

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LOKE SIEW FOOK [SEREMBAN]

TARIKH : 9 DISEMBER 2020 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah permohonan penggunaan cermin gelap yang diluluskan pada tahun 2018, 2019 dan 2020 serta jumlah fi yang telah dikutip sebagai hasil Kerajaan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) melalui Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ) telah meluluskan sebanyak 3,372 permohonan penggunaan cermin gelap dari tahun 2018 sehingga November 2020.
2. Pecahan kelulusan mengikut tahun adalah seperti berikut, sebanyak 1,604 kelulusan pada tahun 2018, 589 kelulusan pada tahun 2019 dan 632 kelulusan sehingga bulan November tahun 2020.
3. Fi bagi kelulusan penggunaan cermin gelap telah diperkenalkan mulai Jun 2019 dan fi ini hanya dikenakan bagi permohonan atas faktor keselamatan dan tiada fi dikenakan bagi permohonan atas faktor kesihatan.
4. Jumlah fi yang telah dikutip pada tahun 2019 adalah sebanyak RM 1,319,390 dan dari Januari 2020 sehingga November 2020 adalah sebanyak RM 1,260,150.00. Sekian, terima kasih.